

07 JUL 1998

DR MAHATHIR LANCAR STESEN NTV7

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed melancarkan NTV7 malam ini iaitu genap tiga bulan selepas stesen televisyen swasta itu memulakan siarannya.

Pelancaran itu diikuti dengan persembahan secara langsung "Konsert Antara Dua Irama" yang menampilkan gabungan beberapa artis tempatan lama dan baru seperti Aziz Satar, S. Shamsudin, Erra Fazira, Ziana Zain, Siti Nurhaliza, Camelia, Ida Nerina, Jit Murad dan Jay Jay.

Konsert Antara Dua Irama adalah penghargaan NTV7 kepada allahyarham P. Ramlee yang sehingga hari ini terus menjadi pendorong kegiatan seni di kalangan artis-artis di negara ini.

Selepas Konsert Antara Dua Irama siaran NTV7 akan diteruskan dengan filem klasik lakonan P. Ramlee yang masih diminati ramai "Madu Tiga."

-- BERNAMA

MT PR